

24 OCT 1999

GHAFAR BABA DI SERANG SAKIT LELAH SEMASA SAMBUTAN JUBLI BN

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba malam ini terpaksa meninggalkan majlis sambutan jubli perak Barisan Nasional (BN) di Stadium Nasional Bukit Jalil di sini selepas diserang sakit lelah.

Bagaimanapun, menurut anaknya Tamrin, Ghafar, 74, diserang lelah biasa sahaja dan keadaannya tidak membimbangkan.

"Dia O.K., tak ada apa-apa, lelah biasa sahaja, mungkin kerana dua minggu lepas dia agak sibuk kerana berjalan ke sana sini," kata Tamrin ketika ditemui di majlis itu.

Beliau berkata, bapanya dihantar pulang ke rumahnya oleh sebuah ambulans Hospital Kuala Lumpur pada pukul 10.50 malam, sejurus sebelum Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membacakan ikrar BN pada majlis sambutan itu.

-- BERNAMA

NY PR